

SUNNAH ALLAH, USAHA, DO'A DAN TAKDIR  
Oleh  
Tun Abdul Hamid Mohamad  
(Mantan Ketua Hakim Negara Malaysia)

Terima kasih kerana menjemput saya.

Hari ini, Saya akan membawa tuan-tuan dan puan-puan melayari pengalaman dan pemikiran saya secara ringkas untuk tuan-tuan dan puan-puan berfikir.

Saya tidak katakan bahawa apa yang saya akan katakan ini adalah betul. Saya cuma kata itu adalah pendapat saya mengikut fahaman saya. Saya suka memetik Imam Abu Hanifah yang dilaporkan berkata selepas beliau memberi pendapatnya mengenai sesuatu masalah yang dikemukakan kepadanya. Katanya, *“Apa yang saya katakan ini adalah pendapat saya. Jika ada hujah yang lebih baik, ikutlah”*. Tetapi saya melangkah selangkah lebih jauh. Saya kata: *“Apa yang saya katakan ini adalah pendapat saya. Jika ada pendapat yang lebih baik, saya juga akan mengikutinya”*.

Lagi satu perkara, kebanyakan daripada apa yang saya tuliskan ini adalah daripada ingatan. Mungkin ada fakta yang silap. Saya harap tidak.

Saya berada di penghujung perjalanan hidup saya. Sekarang saya boleh memandang ke belakang. Apabila saya berbuat demikian, saya hanya boleh *“explain”* perjalanan hidup saya dengan satu perkataan: **takdir**. Terlalu banyak perkara yang berlaku tanpa perancangan, *“secara kebetulan”*, *“against all odds”*, tidak pernah terfikir oleh saya, ada kalanya berlainan daripada apa yang saya inginkan tetapi lebih baik. Ada kalanya perkara yang tidak ada sesiapa yang terfikir akan berlaku, berlaku, menyebabkan ruang terbuka untuk saya. Semuanya seolah-olah telah disusun dan berjalan mengikut skrip, ada babak ketawa, ada babak menangis, ada babak cemas dan lain-lain.

Tetapi, satu perkara saya berani katakan: Sepanjang hidup saya, saya telah melakukan apa yang saya fikir adalah betul, sehabis baik yang saya boleh lakukan, dengan jujur. Saya melakukan sesuatu kerana saya fikir ia adalah betul. Mungkin saya ada membuat kesilapan, tetapi, jika ada, ia adalah kesilapan yang tidak disenghajakan (*honest mistake*). Saya *“buat kerja”* dengan jujur sehabis baik yang saya boleh lakukan, sepanjang kerjaya saya dan saya serahkan kepada Allah s.w.t. untuk menentukan yang lainnya.

Sebab itulah, dalam ucapan pelantikan saya sebagai Ketua Hakim Negara, saya berkata:

*“.....jika, dengan takdir Allah s.w.t. saya memegang jawatan ini hanya sehari sahaja pun, dalam masa satu hari itu, saya berazam untuk melakukan apa yang saya, dengan jujur, fikir adalah betul, sehabis baik yang saya boleh lakukan. Sama ada sehabis baik saya itu cukup baik atau tidak terserahlah kepada orang ramai untuk menghakiminya”*.

*Percayalah bahawa dalam hidup ini, akhirnya, kejujuran mengatasi segala-galanya. Dan percayalah bahawa dalam hidup ini, akhirnya, kebenaran akan terserlah jua.”*

Dan, jika ada satu ungkapan yang saya pernah katakan yang saya paling “proud” kerana telah mengatakannya, ungkapan itu ialah: “*Whatever happens, I will never beg.*” Insya Allah, “*I WILL NEVER BEG*” akan menjadi tajuk *memoir* saya.

Jadi, jika saya diminta menyatakan apakah pengajaran daripada pengalaman kerjaya saya sepanjang empat puluh tahun itu, saya akan katakan dengan satu ayat: ***Buat apa yang kita fikir betul, sehabis baik yang kita boleh lakukan, dengan jujur, dan berserahlah kepada Allah.***

Maka, saya percaya sepenuhnya kepada takdir, tetapi selepas ia berlaku. Sebelum ia berlaku kita belum tahu apakah takdirnya lagi. Sebab itulah kita disuruh berusaha dan berdo’a. Jika tidak tiada gunanya. Lebih baik buka mulut dan tunggu seperti kerang. Tetapi, kerang pun berusaha juga iaitu membuka mulut. Cuba tuan-tuan dan puan-puan buka mulut selama lapan jam sehari, bagaimana?

Kedua, berkaitan dengan usaha, ada satu perkara yang orang kerap lupa: *Sunnah Allah (Sunnatullah)*. Saya tidak pernah mendengar orang bercakap mengenai *Sunnah Allah*. Yang selalu saya dengar ialah mengenai *Sunnah Nabi*, terutama sekali seperti menyimpan janggut, memakai serban, berkahwin lebih daripada satu.

*Sunnah Nabi* yang bersifat hukum kita wajib ikut. Yang bersifat adat, kebiasaan, malah fesyen, kita ada pilihan asalkan tidak melanggar prinsip-prinsip *Syari’ah*. Bagi saya, ukuran yang terpakai ialah sama ada sesuatu perkara itu menyalahi prinsip-prinsip *Syari’ah* atau tidak. Sebab itulah apabila saya ditanya “*What is your definition of ‘Islamic’ law?*” jawapan saya ialah “*Any law that is not un-Islamic.*”

Sebab itu jugalah, saya pernah menyarankan bahawa, dalam perkara-perkara tertentu, kita boleh membuat undang-undang yang berlainan daripada yang ada di zaman Rasul Allah s.a.w. dan undang-undang itu boleh jadi lebih baik, lebih menepati *maqasid Syari’ah* (tujuan *Syari’ah*) dan oleh itu “*more Islamic*”. Kedua, kita juga boleh membuat undang-undang yang pada zaman Rasul Allah s.a.w. tidak ada dan ia juga patut dianggap sebagai “*Islamic*” dengan syarat ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip *Syari’ah*.

Untuk saranan yang pertama (undang-undang yang berlainan), saya akan beri dua misalan.

Pertama, undang-undang mengenai perhambaan. Tidak ada sesiapa yang boleh menafikan peranan Islam dalam membela dan memperbaiki hak dan kehidupan hamba. Tetapi, semasa Rasul Allah s.a.w. hidup, perhambaan masih diamalkan. Ia tidak “diharamkan”. Malah hingga hari ini pun, saya belum dengar mana-mana pihak yang pernah mengeluarkan fatwa bahawa, dalam keadaan sekarang, perhambaan adalah haram. Mungkin kerana persoalan itu sudah tidak timbul lagi.

Pada pandangan saya, perhambaan diterima (*accepted*) pada masa itu kerana keperluannya. Hamba-hamba itu adalah ibarat lori, traktor dan pembantu rumah hari

ini. Apa yang hendak dihairankan, seribu tahun selepas itu, perhambaan masih berleluasa di negara yang hari ini hendak menjadi jaguh hak asasi manusia! Maka, dalam keadaan itulah, pada zaman Rasul Allah s.a.w., perhambaan masih diterima, tetapi berbagai-bagai cara dan sebab diwujudkan untuk membolehkan mereka bebas atau dibebaskan.

Hari ini, seluruh dunia, termasuk Malaysia, “mengharamkan” perhambaan. Perkataan “haram” di sini bukanlah “haram Syar’ie”, tetapi tidak dibenarkan oleh undang-undang. Saya belum dengar mana-mana ulamak mengatakan bahawa peruntukan undang-undang itu menyalahi Syarak, dan jika kita hendak mendirikan sebuah negara Islam, untuk “lebih *Islamic*”, kita perlu membenarkan perhambaan semula. Jika ada seorang yang berkata demikian, saya percaya banyak lagi yang akan mengatakan sebaliknya.

Mengenai saranan kedua (undang-undang yang dulu tidak ada), saya beri satu misalan. Dulu tidak ada kenderaan bermotor. Maka tidak ada Akta Jalan Raya. Hari ini, sebab adanya kenderaan bermotor, undang-undang seperti itu menjadi perlu. Maka undang-undang seperti itu, selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip *Syari’ah*, patut disifatkan sebagai “*Islamic*”. Saya tidak gunakan perkataan “*Syari’ah*”, walau pun, di Malaysia ini perkataan *Syari’ah* telah pun digunakan bagi undang-undang yang sebahagian besarnya divedik daripada prinsip-prinsip “common law” yng terdapat dalam Subordinate Courts Rules dan Criminal Procedure Code. Misalnya Enakmen Acara Mal *Syari’ah* dan Enakmen Acara Jenayah *Syari’ah*.

Ertinya, kita telah pun “menjadikan” sebahagian daripada prinsip-prinsip *common law* sebagai sebahagian daripada “*Syari’ah*”. Mengapa? Kerana, tidak ada sesiapa yang boleh mengemukakan draf “acara mal dan acara jenayah *Syari’ah*”, jika ada, untuk diperundangan. Kedua, kerana prinsip-prinsip itu tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip *Syari’ah*, dalam bahasa perbankan Islam, “*Shari’ah compliant*”. Ertinya takrifan “*Islamic law*” saya terpakai, sama ada disedari atau tidak.

Apa yang menarik ialah setelah ianya dipakai lebih satu dekad, seorang Professor Madya *Syari’ah* memberitahu saya bahawa prinsip-prinsip yang terdapat dalam Criminal Procedure Code itu berasal daripada fatwa-fatwa Mazhab Hanafi! Saya jawab, “Baguslah jika begitu. Tetapi, mengapa semasa kita hendak menggubal acara jenayah untuk dipakai di Mahkamah *Syari’ah* dahulu, tidak ada sesiapa pun yang mengemukakannya dan apabila kita menerima pakai sesetengah peruntukan yang terdapat dalam Criminal Procedure Code, ia dikecam (saya biasa dengar) sebagai “undang-undang kafir”.

Hujah saya mengapa undang-undang seperti Akta Jalan Raya, jika ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip *Syari’ah* adalah “*Islamic*”, adalah seperti berikut. Katakanlah, di zaman Khalifah Harun Al-Rashid ada kenderaan bermotor atau, mudahnya, kereta. Dan, katakanlah Khalifah Harun Al-Rashid menyuruh Abu Yusuf menggubal undang-undang mengenainya. Jika beliau berbuat demikian, saya percaya, hari ini undang-undang itu akan kita anggap sebagai “*Hukum Syarak Jalan Raya*”. Jika dalam undang-undang itu ada ditetapkan had laju, besar kemungkinan, hari ini kita akan merujuk kepadanya sebagai “*had laju Syari’ah*” atau “*had laju Islam*”. Saya tidak hairan jika sepanjang sejarah, ulamak-ulamak akan berbahas

sama ada had laju itu boleh diubah atau tidak, apakah had laju yang sesuai dan berlainan mazhab mungkin mempunyai had laju yang berlainan!

Sebagai perbandingan, Khalifah Harun Al-Rashid pernah mengarahkan Abu Yusuf menyediakan undang-undang cukai tanah. Hasilnya ialah *Kitab Al-Kharaj* (Buku Mengenai Cukai Tanah). Hari ini kita menggapnya sebagai sebuah kitab agama yang mengandungi Undang-Undang Cukai Tanah *Syari'ah*. Jika demikian, Undang-Undang Jalan Raya yang dibuat oleh Parlimen kita juga, asalkan ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip *Syari'ah*, sepatutnya disifatkan sebagai "*Islamic*"?


Berbalik kepada **usaha**. Dalam berusaha untuk mencapai sesuatu matlamat, kita perlu mengikut *Sunnah Allah*. Apakah *Sunnah Allah*?

*"Literally, the word sunnah means tradition, way, method, custom."*

*"When it is attributed to Allah – Sunnatullah: it refers to the way of Allah's dealing with his creation that governs or controls its movement."*

*"It is a complete and integral system of cause and effect and it runs systematically and perfectly in accordance with the command of Allah. - Ismail R. al-Faruqi."*

Secara mudah, *Sunnah Allah* bolehlah kita faham sebagai *kebiasaan, peraturan, susunan, hukum alam, sebab musabab* dan sebagainya. Dalam kata-kata lain, walaupun Allah s.w.t. berkuasa melakukan sesuatu sekehendaknya, tetapi, biasanya, sesuatu perkara itu berlaku/berjalan mengikut *peraturan* atau *hukum* yang ditetapkan. Matahari dan bulan pun tertakluk kepada *peraturan* ini. Dalam Surah Al-Rahman (55) ayat 5, Allah berfirman:



*"Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu;" - Terjemhan Bahasa Malaysia.*

*"The sun and the moon follow courses (exactly) computed;" - Yusuf Ali*

*"The sun and the moon [move] by precise calculation," - Sahih International.*


Mari kita lihat pula misalan yang dekat dengan kita mengenai *Sunnah Allah*:

- Pokok pisang kelat akan mengeluarkan buah pisang kelat;
- Bila lapar kita perlu makan baru rasa kenyang;
- Hendak mendapat markah yang baik dalam peperiksaan, seseorang itu perlu belajar kuat-kuat;
- Untuk kurangkan berat badan seseorang itu perlu kurang makan;
- Kebun yang semak perlu ditebas baru cerah.

- Kerja perlu dibuat baru selesai. (Sebab itulah cogan kata saya adalah “BUAT KERJA”).

Itu adalah *Sunnah Allah*. Maka, untuk mencapai sesuatu, kita perlu melakukan apa yang perlu dan bersesuaian dengan *peraturan* atau *hukum* itu, barulah akibatnya akan mengikut.

Sekali sekala, mungkin Allah s.w.t. hendak menunjukkan kekuasaannya, maka Allah s.w.t. melakukan sesuatu yang bertentangan dengan *peraturan* atau *hukum* itu. Hal seperti itu biasanya berlaku kepada para Rasul dan dipanggil *mu'jizat* seperti yang berlaku kepada Nabi Ibrahim a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Sulaiman a.s., Nabi Isa a.s. dan Maryam, ibu Nabi Isa. Sedangkan Nabi Muhammad s.a.w., semasa Baginda bersembunyi di gua Thur bersama-sama Abu Bakar Al-Siddiq r.a. semasa hendak berhijrah ke Madinah, anak-anak Abu Bakar Al-Siddiq r.a., iaitu Aisyah dan Asma' yang membawa makanan kepada mereka, bukan seperti Maryam, ibu Nabi Isa a.s. yang mendengar suara menyuruhnya:



“Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak.” – Surah Maryam (19), Ayat 25.

Semasa hijrah, Rasul Allah s.a.w. juga mengupah seorang Musyrikin untuk menunjuk jalan ke Madinah. Baginda tidak hanya berdo'a supaya Allah s.w.t. menghantar malaikat menunjuk jalan kepadanya atau supaya jin menerbangkannya ke Madinah seperti singgahsana Putri Balqis diterbangkan kepada Nabi Sulaiman a.s.<sup>i</sup> Apabila Abu Suffian dan Musyrikin Makkah hendak menyerang Madinah, Rasul Allah s.a.w. bersama sahabat-sahabatnya bertongkos lomos menggali parit untuk mempertahankan Madinah. Baginda tidak hanya mengajak kaum Muslimin untuk *solat hajat* dan berdo'a di Raudhah. Kalau hendak dikirakan, Baginda dihantar oleh Allah s.w.t. untuk menyebarkan Islam, kedudukan Islam tergugat, doa' siapa lagi yang akan lebih makbul?

Dalam peperangan Badar, tentera Muslimin mengalahkan tentera Musyrikin walaupun jumlah tentera Muslimin jauh lebih kecil daripada jumlah tentera Musyrikin kerana keazaman dan disiplin tentera Muslimin yang kuat dan bantuan Malaikat<sup>ii</sup>. Tetapi, dalam peperangan Uhud yang berikutnya, tentera Muslimin kalah, walaupun jumlah mereka sudah lebih besar. Sebabnya ialah kerana pasukan pemanah tentera Muslimin yang menyangka bahawa mereka telah menang, melanggar arahan dan meninggalkan kedudukan mereka kerana tamakkan harta rampasan perang. Itu membolehkan Khalid Ibn Walid yang pada masa itu belum memeluk agama Islam, menyusun semula pasukannya dan menyerang dari arah yang berlainan.

Kita boleh mengambil dua kesimpulan daripada peristiwa-peristiwa yang saya sebutkan itu. Pertama, Rasul Allah s.a.w. pun berusaha dengan cara yang bersesuaian dengan *Sunnah Allah* dalam menghadapi sesuatu keadaan. Baginda tidak hanya mengharap pertolongan Allah s.a.w. semata-mata dengan do'a atau

mengharapkan *mu'jizat*. Jika Rasul Allah s.a.w. pun berbuat demikian, siapa kita untuk hanya berdo'a dan mengharapkan Allah s.w.t. melakukan *miracle* kepada kita?

Kedua, ia menunjukkan bahawa *Sunnah Allah* berlaku kepada semua, tidak kira agamanya. Tentera Muslimin pun kalah kepada tentera Musyrikan apabila tentera Muslimin melanggar arahan dan tidak berdisiplin. Bahawa mereka berjihad memerangi tentera kafir sahaja tidak menjamin kemenangan mereka. *Sunnah Allah* tetap berlaku, kecuali seperti dalam peperangan Badar. Itu adalah satu pengecualian.

Maka, kita tidak sepatutnya berharap untuk mendapat sesuatu dengan cara yang mudah. Kita tidak sepatutnya berharap untuk mendapat berkat dan syufa'at hanya dengan mencium tangan seorang Tok Guru, menjadi kaya dengan menyertai skim cepat kaya Pak Man Telo, merawat jantung tersumbat dengan "pembedahan batin" yang hanya menggunakan kuku di atas kulit badan, mendapat markah baik dalam peperiksaan hanya dengan meminum air jampi, malah berharap untuk mengatasi semua masalah **hanya** (saya ulangi, **hanya**) dengan do'a dan solat hajat, dan seterusnya. Apa yang saya sebut ini terpakai juga dalam kerjaya kita.

Bagi saya, dalam kehidupan kita, kita perlu membuat pendekatan seperti berikut:

- (a) Pastikan apakah *Sunnah Allah* mengenai sesuatu perkara.
- (b) Lakukan usaha yang bersesuaian dengannya dan bersungguh-sungguh.
- (c) Berdo'a.
- (d) Berserah kepada Allah.

Mungkin ada kalanya Allah s.w.t. akan memakbulkan do'a kita walaupun kita sudah berada dalam keadaan yang, mengikut kebiasaannya, sudah amat tipis harapannya. Maka bersyukur lah banyak-banyak. Tetapi, janganlah mengharapkannya berlaku dalam semua perkara sepanjang masa, tanpa usaha yang bersesuaian dengan *Sunnah Allah*.


Biarlah saya akhiri "bicara santai" ini seperti berikut:

Jika kita *punctual* seperti semasa kita berbuka puasa, *prompt* seperti semasa kita berada di hadapan *traffic light*, berdisiplin seperti semasa kita *solat*, beradab seperti semasa kita berada di dalam masjid, sabar seperti semasa kita berpuasa, *efficient* seperti kita menguruskan mayat, prihatian seperti kita menjaga *wuduk*, berkerjasama seperti semasa membuat khenduri, tidak membazir seperti yang kita lakukan dengan air zamzam, di tambah dengan sifat-sifat rajin, tekun, bersungguh-sungguh dan jujur, saya percaya kita akan menjadi satu *ummah* yang terbaik dan termaju.


Terima kasih.

4 April 2012


## NOTA

i  قَالَ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ الْأَيْكُمُ يَا بُنَيَّ بَعْرِشَهَا قَبْلَ أَنْ يَأْتُوْنِي مُسْلِمِيْنَ

Nabi Sulaiman berkata pula (kepada golongan bijak pandainya): “Wahai pegawai-pegawaku, siapakah di antara kamu yang dapat membawa kepadaku singgahsananya sebelum mereka datang mengadapku dalam keadaan berserah diri memeluk Islam?”


قَالَ عَفْرِيْتُ مِّنَ الْجِنِّ أَنَا ءَانِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ تَقُوْمَ مِنْ مَّقَامِكَ وَإِنِّي عَلَيْهِ لَقَوِيٌّ أَمِيْنٌ 

Berkatalah Ifrit dari golongan jin: “Aku akan membawakannya kepadamu sebelum engkau bangun dari tempat dudukmu, dan sesungguhnya aku amatlah kuat gagah untuk membawanya, lagi amanah”.


قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا ءَانِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ  
فَلَمَّا رَأَاهُ مُسْتَقِرًّا عِنْدَهُ قَالَ هَذَا مِنْ فَضْلِ رَبِّي لِيَبْلُوْنِي ءَأَشْكُرُ أَمْ  
أَكْفُرُ وَمَنْ شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ؕ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّي غَنِيٌّ كَرِيْمٌ 

Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah: “Aku akan membawakannya kepadamu dalam sekelip mata!” Setelah Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisinya, berkatalah ia: “Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk menguji adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan nikmat pemberianNya. Dan (sebenarnya) sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya, lagi Maha Pemurah”.


Al-Qur’an: An-Naml (27): 28 - 40

ii  وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُوْنَ

Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit bilangannya dan kekurangan alat perang). Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu).

إِذْ نَقُوْلُ لِلْمُؤْمِنِيْنَ أَلَنْ يَكْفِيَكُمْ أَنْ يُمِدَّكُمْ رَبُّكُمْ بِثَلَاثَةِ ءَأَلْفٍ مِّنَ  
الْمَلٰٓئِكَةِ مُنَزَّلِيْنَ 

(Ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang-orang yang beriman (untuk menguatkan semangat mereka): “Tidakkah cukup bagi kamu, bahawa Allah membantu kamu dengan tiga ribu tentera dari malaikat yang diturunkan?”

بَلَىٰ إِن نُّصَبِرُوْا وَتَتَّقُوْا وَيَأْتُوكُم مِّن فَوْرِهِمْ هَذَا يُمِدِّكُمْ رَبُّكُمْ  
بِحَمْسَةِ ءَأَلْفٍ مِّنَ الْمَلٰٓئِكَةِ مُسَوِّمِيْنَ 

Bahkan (mencukupi. Dalam pada itu) jika kamu bersabar dan bertaqwa, dan mereka (musuh) datang menyerang kamu dengan serta-merta, nescaya Allah membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang bertanda masing-masing.

(Al-Quran: Ali- Imran (3): 123 – 125)